

**PEMAKLUMAN BERKENAAN BANTUAN MAKANAN PERCUMA KEPADA
PELAJAR DALAM DAN LUAR KAMPUS SEPANJANG TEMPOH PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

Merujuk kepada perutusan khas YAB Perdana Menteri pada 16 Mac 2020 mengenai wabak Covid-19 yang telah memutuskan untuk melaksanakan perintah kawalan pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 sehingga 28 April 2020 (Fasa 1 – Fasa 3). Fasa 3 PKP akan tamat pada 28 April 2020.

Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) menyedari dan mengambil maklum terdapat sebahagian pelajar yang masih berada di dalam dan kawasan sekitar kampus ekoran daripada perintah kawalan pergerakan tersebut.

Oleh yang demikian, hasil daripada kajian terhadap bilangan pelajar yang masih berada di dalam dan di luar kampus, pihak pengurusan JHEPA memutuskan sepanjang tempoh bulan Ramadhan program makanan percuma adalah seperti berikut:

i. Pelajar dalam kampus.

PELAJAR	WAKTU AGIHAN	
	Muslim	Sahur
	Berbuka	5.30 petang – 6.30 petang
Bukan Muslim	Brunch	11.00 pagi – 12.00 tengahari
	Makan Malam	5.30 petang – 6.30 petang

ii. Pelajar Luar Kampus

Bagi pelajar luar kampus, pelajar akan diberikan wang tunai berjumlah **RM 15/hari** kepada setiap pelajar luar kampus yang telah berdaftar sepanjang tempoh PKP ini. Data-data tersebut telah disahkan oleh Pengetua / Felo setiap Residen Pelajar.

Bayaran akan dikreditkan terus ke akaun pelajar dan diuruskan oleh Bendahari UMP pada kadar segera

Pelajar luar kampus perlu menandatangani borang akujanji terimaan tunai bagi tujuan pembelian makanan sepanjang tempoh Ramadhan tersebut. Disamping itu juga arahan pematuhan terhadap perintah kawalan pergerakan (PKP).

Langkah ini diambil bagi memastikan keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan pelajar terpelihara. Selain itu juga, memastikan arahan kerajaan dipatuhi dengan mengurangkan sebarang pergerakan dan perjumpaan secara berkumpulan.

Adalah diharapkan perkara ini mendapat kerjasama baik daripada semua pihak khususnya di pihak pelajar. Pihak JHEPA sentiasa prihatin dan mengambil berat mengenai kebajikan pelajar sama ada di dalam dan di luar kampus.


Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

"Memasyarakatkan Teknologi"

Saya yang menjalankan amanah,



(PROFESOR DATO' TS. DR YUSERRIE B. ZAINUDDIN)

Timbalan Naib Canselor

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Tarikh : 22 April 2020